

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN  
RAZALI [ KUALA NERUS]**

**SOALAN**

**DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan persediaan dan perancangan pihak Kementerian dalam memastikan sumber tenaga manusia sedia ada dan bakal lahir di masa akan datang bersedia menyumbang ke arah negara berteknologi tinggi (4IR).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan dan Agensi di bawahnya sentiasa bersedia dan mengambil maklum keperluan negara bagi sumber tenaga manusia sedia ada dan masa hadapan yang mampu menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negara yang berteknologi tinggi dan berinovatif.

Dasar Revolusi Perindustrian Keempat Negara adalah kesinambungan kepada Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 dan ia akan melengkapi Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia yang telah dilancarkan pada 19 Februari 2021. Kedua-duanya akan bertindak sebagai panduan kepada rakyat untuk memanfaatkan potensi Revolusi Perindustrian Keempat.

Struktur tadbir urus yang dipimpin oleh Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara juga telah diwujudkan untuk memacu dan memastikan pelaksanaan inisiatif yang berkesan, yang merangkumi pelbagai kementerian dan agensi.

Di bawah Dasar Perindustrian Keempat Negara, Kementerian Sumber Manusia telah dipertanggungjawab menerajui Kluster Bakat Digital. Kluster ini berperanan mengenal pasti program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi yang menyumbang kepada pembangunan bakat dalam bidang ekonomi digital dan negara berteknologi tinggi. Di samping itu, Kluster Bakat Digital berperanan menguruskan pasaran buruh dan tenaga kerja masa hadapan.

Kemunculan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara dianggar dapat meningkatkan produktiviti sebanyak 30 peratus merentasi semua sektor menjelang tahun 2030. Sumbangan ini akan memastikan Malaysia dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih baik pada masa hadapan, selain meningkatkan bilangan pekerja mahir dan menghasilkan produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

Menerusi Dasar Revolusi Perindustrian Keempat Negara ini juga Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menerajui Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kemahiran dan Bakat (*Technical Working Group-Skills*).

Pelbagai program telah dikenalpasti dan sedang dilaksanakan dalam memperkukuh kompetensi sumber tenaga manusia dalam menghadapi Industri 4.0, antaranya:

- (i) peningkatan kemahiran tenaga pengajar di institut latihan awam dalam bidang Revolusi Perindustrian Keempat;
- (ii) program berbentuk pelan intervensi kepada syarikat untuk beralih kepada teknologi industri 4.0. Pelan intervensi

merangkumi aspek latihan kemahiran, pembahbaikan proses dan aplikasi teknologi;

- (iii) Jabatan Pembangunan Kemahiran telah membangunkan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) bagi 21 sektor ekonomi yang telah menjadi rujukan dalam pembangunan program latihan di institusi-institusi latihan awam dan swasta mengikut tahap kemahiran yang diperlukan. NOSS yang dibangunkan dan dipantau secara bersama dengan *Industry Lead Body* (ILB) adalah mengikut keperluan industri dan teknologi terkini;
- (iv) mengadakan sesi libat urus dengan pihak industri bersama jabatan/agensi terlibat bagi memberi gambaran jelas berkaitan Industri 4.0. Maklumat hasil perkongsian daripada sesi ini akan seterusnya digunakan untuk mengkaji dan meneliti keperluan tenaga kerja bagi menghadapi Industri 4.0; dan
- (v) membangunkan bakat profesional digital ekonomi termasuk 20,000 dalam bidang keselamatan siber dan 30,000 dalam bidang profesional data menjelang tahun 2025.

Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan sumber tenaga manusia sedia ada dan bakal lahir di masa akan datang bersedia menyumbang ke arah negara berteknologi tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF  
(JEMPOL)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan unit rumah yang berjaya dimiliki oleh rakyat mengikut kumpulan pendapatan isi rumah sepanjang pelaksanaan Kempen Pemilikan Rumah (HOC).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data mengenai bilangan unit rumah yang dimiliki sepanjang pelaksanaan Kempen Pemilikan Rumah (*Home Ownership Campaign*, HOC) mengikut kumpulan pendapatan akan dapat disediakan setelah Analitis Data Raya Perumahan (Housing Big Data Analytics) selesai dibangunkan.

Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumat daripada Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Malaysia (REHDA), mulai bulan Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2021, terdapat 67,576 unit telah terjual melalui kempen HOC dengan nilai jualan berjumlah RM52.32 bilion sebelum diskaun dan RM43.53 bilion selepas diskaun. Kempen HOC ini berjaya memberikan penjimatan kepada pembeli dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM8.79 bilion dan akan diteruskan sehingga 31 Disember 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF  
[JEMPOL]**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan impak pelaksanaan projek rintis gelembung pelancongan terhadap sektor pelancongan dan perancangan untuk memperkasakannya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah melancarkan Gelembung Pelancongan Domestik atau *Domestic Travel Bubble* yang menyasarkan pembukaan semula pelancongan Langkawi sebagai projek rintis dan telah menampakkan banyak kejayaan sejak dibuka pada 16 September 2021.

2. Tidak sampai sebulan pelaksanaannya, iaitu sehingga 12 Oktober 2021, seramai lebih 58,000 orang pengunjung telah tiba melalui pintu masuk udara iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi. Manakala lebih 27,000 orang pengunjung lagi telah tiba di Langkawi melalui pintu masuk laut, menjadikan jumlah keseluruhan pelancong yang mengembara menggunakan gelembung pelancongan ini semasa tempoh tersebut adalah seramai 85,921 orang pengunjung.

3. Kehadiran pelancong-pelancong ini telah memberi kesan domino baik kepada industri penerbangan, feri dan juga premis penginapan pelancong. Menurut maklum balas yang diterima daripada Persatuan Hotel Malaysia (MAH), kadar purata penginapan di premis-premis penginapan pelancong ahli-ahlinya di Langkawi bagi tempoh 7 hari pertama bulan Oktober 2021 telah meningkat kepada 45%.

4. Secara amnya, kegiatan aktiviti pelancongan yang kembali aktif telah memberi impak positif bukan sahaja kepada entiti perniagaan pelancongan semata-mata, malah limpahan ekonomi hasil daripada aktiviti ini turut membawa perkembangan yang baik kepada masyarakat setempat. Dalam menjayakan inisiatif projek rintis ini, Prosedur Operasi Standard Gelembung Pelancongan Langkawi telah dibangunkan agar kita dapat mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19 di kalangan pelancong dan juga penduduk tempatan Langkawi. Ini dibangunkan dan dilaksanakan bagi memastikan Gelembung Pelancongan ini kekal “hijau” dan Langkawi kekal sebagai destinasi yang selamat untuk dikunjungi.

5. Selanjutnya, YAB Perdana Menteri pada 10 Oktober yang lalu telah mengumumkan bahawa Kerajaan bersetuju memberi kebenaran untuk Keluarga Malaysia yang telah lengkap vaksinasi melakukan pergerakan rentas negeri mulai 11 Oktober 2021. Ini bermakna destinasi-destinasi pelancongan utama sudah boleh menerima kunjungan pelancong dari seluruh negara seterusnya merancakkan kembali industri pelancongan domestik yang sudah lama terkesan akibat pandemik COVID-19. Sektor-sektor rangkaian industri pelancongan lain seperti sektor makanan dan minuman serta peruncitan sudah pasti turut menikmati kesan gandaan yang dijana oleh aktiviti pelancongan ini.

6. MOTAC seterusnya giat mempersiapkan Malaysia untuk menerima semula kehadiran pelancong asing ke Malaysia. Sebagai langkah permulaan, Kerajaan telah bersetuju melancarkan Projek Rintis Gelembung Pelancongan Antarabangsa di mana pelancong asing dari luar negara dibenarkan mengunjungi Pulau Langkawi bermula 15 November 2021.

7. Dalam usaha menjayakan projek rintis ini, MOTAC telah menjalankan pelbagai usaha dan perancangan, termasuklah mengadakan perjumpaan bersama wakil beberapa pihak pengurusan dan agensi jualan melibatkan syarikat penerbangan antarabangsa dalam usaha menjalinkan kerjasama bagi mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan.

8. Pada masa yang sama, MOTAC turut bekerjasama rapat dengan Kementerian dan Agensi Kerajaan yang lain, terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia dalam terus memantau penularan COVID-19, khususnya dengan penemuan varian baru, bagi mengurangkan risiko penularan dan jangkitan yang berpunca oleh kehadiran pelancong dari luar negara melalui Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi ini.

Sekian, terima kasih.